

saya akan teringat keluarga.

Kadang-kadang terfikir untuk berhenti daripada belajar dan pulang ke kampung untuk bersama keluarga. Namun, apabila teringat kata-kata ibu dan ayah agar belajar bersungguh-sungguh, saya masih lagi mampu bertahan sehingga kini.

Saya berasa sungguh sunyi dan tidak mampu untuk menumpukan perhatian ketika belajar. Jadi Dr, apakah cara terbaik untuk mengatasi masalah ini? Ini kerana dari

hari ke hari saya merasakan sudah pun gagal untuk meneruskan pelajaran.

RINDU KELUARGA, Johor

! Berada dalam lingkungan orang tidak dikenali untuk pertama kali menjadikan adik resah dan mahu pulang bertemu dengan keluarga yang selama ini disayangi. Adik perlu adaptasi diri dengan punca masalah utama yang adik

hadapi.

Pada pandangan Dr, setiap manusia itu perlu untuk mengalami transisi perubahan daripada komuniti keluarga kepada komuniti masyarakat. Kita akan melihat perkembangan sosial dan kita adalah satu komponen daripadanya.

Dr nasihatkan adik untuk cuba mencari kawan supaya tidak sunyi dan memikirkan untuk balik ke rumah.

Manusia memerlukan kawan untuk berkongsi suka

dan membantu dalam pembelajaran. Jika adik mampu, carilah kawan baik yang boleh dianggap sebagai ahli keluarga.

Penuhilah masa adik dengan mengulang kaji pelajaran ataupun aktiviti sosial yang sihat bersama-sama kawan di kampus. Ini akan mengurangkan ingatan untuk pulang.

Bagi pengetahuan adik, zaman di kampus adalah zaman paling manis kerana banyak pengalaman adik

boleh pelajari.

Adik juga akan terus membesar dan meninggalkan keluarga apabila sudah berkahwin nanti. Jadikanlah jarak ini untuk adik membuktikan kematangan pada keluarga.

Harapan ibu dan ayah jadikanlah sebagai motivasi untuk terus belajar. Jangan kecewakan mereka dengan sikap terlalu manja kerana ini akan memusnahkan harapan mereka melihat adik berjaya di menara gading.

Walaupun kini saya berada di tahun dua, saya masih lagi belum sepenuhnya mampu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran di universiti. Setiap hari saya akan menangis dan menghubungi keluarga menyatakannya ingin pulang ke rumah.


Ada suatu hari saya berasa terlalu rindu kepada keluarga sehingga tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian ketika berada dalam kuliah. Ia sedikit sebanyak mengganggu tumpuan saya dalam pelajaran.

Malah, apabila berada di asrama, saya akan berasa sangat tertekan kerana terlalu rindu keluarga sehingga tidak boleh berada bersendirian di bilik.

Hal ini mungkin terjadi kerana saya belum pernah mempunyai pengalaman tinggal di mana-mana asrama, tambahan pula terpisah daripada keluarga tercinta.

Ia sangat mengganggu pelajaran hingga menjejaskan keputusan peperiksaan. Ini kerana setiap kali saya ingin mengulang kaji pelajaran,

Pelajar manja murung



Sering tertekan apabila berjauhan dengan keluarga

Ibu tak restu teman lelaki



? Saya siswa di sebuah institusi pendidikan. Saya ada seorang rakan lelaki dan kami berkawan rapat sejak berumur 16 tahun lagi.

Kami memang ada perancangan untuk hidup bersama selepas tamat belajar nanti, tetapi lama-kelamaan hati saya mula menja

di ragu-ragu.

Untuk pengetahuan doktor, dia datang daripada keluarga sangat sederhana. Bapanya bekerja sendiri manakala ibunya membantu di warung rakannya. Sejak kecil dia sudah diajar untuk berdikari dan berusaha sendiri mendapatkan sesuatu, tidak seperti yang lain.

Selepas kira-kira empat tahun kami berkawan, saya akui dia sangat bertanggungjawab dan jauh lebih matang daripada usianya. Saya berasa amat senang berkawan dengannya.

Masalahnya sekarang ibu seperti tidak berkenan dengan rakan saya itu disebabkan faktor kewangan keluarganya dan meminta

mencari teman lain.

Walaupun tidak secara terus terang, saya tahu ibu kurang bersetuju. Namun, bapa pula tidak kisah dengan siapa saya berkawan asalkan dapat membimbing saya dengan baik.

Persoalannya, perlukah saya memutuskan hubungan dengannya kerana hubungan kami memang tiada masalah. Ibu bapa kami juga sudah berjumpa antara satu sama lain dan hubungan mereka juga baik.

Saya tahu setiap ibu mahu yang terbaik untuk anaknya, tetapi saya seperti tidak yakin akan berjumpa dengan orang lebih baik daripadanya.

SERBA SALAH, Selangor

! Perasaan kasih dan sayang terhadap pasangan berlainan jantina

adalah sesuatu fitrah yang Allah kurniakan kepada manusia. Adik menemuinya seawal usia 16 tahun dan ibu bapa juga mengetahui hubungan dengan pasangan.

Untuk adik memutuskan ataupun tidak, ia berbalik kepada diri sendiri. Adik saja yang mampu untuk membuat keputusan dengan memikirkan segala sudut positif dan negatif.

Memang benar, restu ibu bapa adalah penting kerana mereka dapat memahami dan melihat apa yang ada di dalam diri anaknya. Cuma masalah ini timbul kerana latar belakang sosio ekonomi keluarga teman lelaki.

Pada pandangan Dr, jika merasakan teman lelaki adalah yang terbaik, adik dan pasangan perlu untuk melakukan perubahan.

Jadikan cabaran sebagai motivasi bagi adik untuk menamatkan hubungan ini

secara halal serta mendapat restu Allah dan ibu bapa.

Dr cadangkan, teman lelaki adik perlu belajar bersungguh-sungguh kerana dengan pelajaran saja seseorang itu mampu mengubah nasib keluarga.

Ibu bapa mana yang tidak risau apabila melihat anaknya akan menamatkan zaman gadis bersama seseorang yang tidak tentu hal kewangannya.

Oleh itu, ketika usia adik masih muda ini, lakukan yang terbaik supaya adik dapat meyakinkan ibu bapa bahawa teman lelaki adalah yang terbaik.

Jika di akhirnya tidak mendapat restu daripada orang tua, adik perlu percaya kepada qada dan qadar Allah, bahawa teman lelaki itu bukanlah jodoh ditetapkan. Pasti ada orang lebih baik dan sesuai untuk adik suatu hari nanti.